

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PELANCARAAN SISA SIFAR
PANGSAPURI RESIDENSI TAMAN MANGGIS,
BUKIT MERTA JAM
17 APRIL 2016 (AHAD), 11.30 AM**

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha En Ang Wei Cheng

Pengerusi JMB BM Residensi

Ketua - ketua Jabatan

Penghuni-penghuni Pangsapuri Residensi

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Majlis Pelancaran Sisa Sifar Pangsapuri Residensi (BM Resident) pada hari yang berbahagia ini.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagai makluman semua, Pangsapuri Residensi (BM Resident) mempunyai 108 unit dan kini 74 unit telah didiami. Terima kasih kepada pengurusan kerana sudi mengambil bahagian dalam program sisa sifar bersama MPSP.

Program jalinan kerjasama antara Pengurusan Pangsapuri Residensi (BM Resident) dan MPSP ini dapat dilaksanakan selepas ceramah kitar semula diadakan pada 26 Mac 2016, apabila semua peserta yang hadir telah bersetuju mengambil bahagian dalam program sisa sifar bagi perlindungan alam sekitar. Program yang akan dilaksanakan ialah pengasingan sisa di punca untuk dikitar semula dan pengumpulan sisa dapur untuk pengkomposan. Tahniah diucapkan kepada pihak pengurusan JMB kerana dalam masa yang singkat telah berjaya melancarkan program ini. Keterbukaan pihak Pengurusan Pangsapuri Residensi (BM Resident) dalam menerima MPSP untuk menjalankan

program sisa sifar merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari.

Para hadirin yang dihormati,

MPSP telah memulakan kempen program sisa sifar pada tahun 2010. Sasaran bagi program ini adalah sekolah-sekolah, kilang dan komuniti. Untuk menjayakan kempen Program Sisa Sifar ini, konsep 4R telah diperkenalkan, iaitu *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle*. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah.

Jika dilihat dari penglibatan komuniti, Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Pandan, Pangsa Tanjung Indah dan Taman Villa Oren merupakan komuniti yang telah berjaya dalam Program Sisa Sifar. Berdasarkan maklumat pelaksanaan sisa sifar di Taman Villa Oren, purata penjanaan sisa organik ialah 0.185 kg/hari/rumah. Oleh itu, jika dikira 0.20 kg sisa organik dikumpul sehari/rumah, kutipan ialah 14.8 kg. Beratan ini sememangnya nampak sedikit tetapi kita dapat menyumbang kepada pengurangan kepanasan global. Jika warga Seberang Perai

dapat mencontohi penduduk BM Resident, pengurangan sisa organik dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung dapat dicapai.

Dari segi perindustrian pula, Kilang SONY di Perai boleh diambil sebagai contoh yang baik kerana telah mencapai 96% pengurangan sisa (*waste diversion*) ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung.

Para hadirin yang dihormati,

Kini Kerajaan Negeri, MPSP dan MBPP sedang membuat persiapan untuk pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang akan dikuatkuasakan pada 1 Jun tahun ini. Langkah-langkah persiapan telah dan sedang diambil sebelum dasar ini dilaksanakan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua kategori iaitu, barang kitar semula dan sisa baki. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan pecahan 1100 tan daripada MPSP dan 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Jika penduduk Seberang Perai boleh mengurangkan sisa sebanyak 50%, iaitu dari 1100 tan kepada 550 tan sahaja sehari, MPSP dapat menjimatkan RM11,110 *tipping free* dalam sehari. Kita sedia maklum, *tipping fee* bagi satu tan sampah yang dihantar ke Pulau Burung adalah RM20.20. Dengan pengurangan sebanyak 50% sisa ini, penjimatan dalam tempoh sebulan ke atas *tipping fee* ialah RM333,300 dan untuk setahun penjimatan MPSP akan mencecah RM3,999,600.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa baki dan bahan kitar

semula ini boleh mengurangkan sisa yang yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Hadirin yang dirahmati,

Program sisa sifar ini secara langsung dapat mendidik penghuni Pangsapuri Residensi khususnya dan masyarakat secara amnya untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja hinggalah ke dalam institusi kekeluargaan maka pengembelengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan pengasingan sisa di punca dengan jayanya.

Dengan harapan itu, saya melancarkan Program Sisa Sifar di Pangsapuri Residensi, Bukit Mertajam.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.